

14/06/2014 - Kursus Mendepani Media 2014

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;

Yang Berbahagia Tan Sri Haji Shukry bin Mohd Salleh,
Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad,
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan;

Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohd Radzi,
Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia;

Yang Berbahagia Dato' Adilah Shek Omar,
Pengarah, Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak;

Yang dihormati Ketua-ketua Perkhidmatan, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan; dan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua, dapat kita berada di sini pada hari bersama-sama menimba ilmu di dalam **Kursus Mendepani Media** yang julung kali diadakan pada tahun ini.
2. Kursus anjuran Pejabat Ketua Setiausaha Negara dengan kerjasama Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran di kalangan pegawai kanan

Kerajaan supaya dapat **menyampaikan maklumat dan mesej Kerajaan dengan lebih berkesan, berketrampilan dan profesional**. Ia juga bagi **meningkatkan daya keyakinan diri** apabila berhadapan dengan media agar dapat menyampaikan mesej yang bermutu, selain memberikan pendedahan mengenai teknik menangani isu menerusi media.

LANSKAP MEDIA MASA KINI

3. Dalam suasana kita menghadapi dunia tanpa sempadan pada masa ini, Kerajaan tidak dapat tidak berhadapan dengan kritikan dari segenap pihak dalam masyarakat, terutamanya apabila ia dibangkitkan dan dipaparkan dalam media tradisional mahupun media baru seperti media sosial.
4. **Media sosial juga sudah menjadi semakin penting** di dalam kehidupan seharian masyarakat. Memahami keadaan ini, Kerajaan juga bertindak selari dan tidak boleh ketinggalan dengan peredaran masa dan perkembangan terkini, dengan turut sama mewujudkan akaun Facebook, Twitter dan lain-lain seumpamanya, demi untuk memastikan wujudnya sistem penyampaian maklumat yang lebih baik kepada rakyat.
5. Walaupun kita akui antara kekuatan media sosial adalah impak positifnya yang besar, tetapi terdapat juga sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyebarkan fitnah, maklumat palsu dan lain-lain perkara yang tidak benar di atas dasar keterbukaan. Apatah lagi apabila ia menyentuh dasar-dasar kerajaan yang baru digubal atau akan dilaksanakan.

IF YOU FAIL TO PLAN, YOU PLAN TO FAIL

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pada masa inilah, sebagai pegawai kanan Kerajaan, kita berperanan untuk **menangani khabar angin atau wild accusations** yang dilemparkan dengan sewajarnya. Oleh itu, adalah menjadi perkara asas kepada kita untuk mengetahui secara mendalam atau terperinci perkara-perkara di bawah bidang kuasa kita, dan bersedia untuk menjawab dengan fakta yang sebenarnya, bagi

menangkis tuduhan–tuduhan serta tohmahan liar yang dikemukakan sesetengah pihak terhadap Kerajaan.

7. Untuk itu, persediaan adalah sangat penting demi menjamin integriti dan kebertanggungjawaban kerajaan. Dalam hal ini, saya teringat pepatah Inggeris yang menyebut: ***“If you fail to plan, you plan to fail”***. Selain itu kepantasan masa bertindak juga penting, tanpa mengabaikan elemen ketepatan fakta. Oleh itu, saya menyeru agar kita semua sentiasa bersiap-siaga dan membuat perancangan yang rapi, dan menggunakan strategi komunikasi yang bersesuaian dengan situasi.

MAKLUMAT DISEBARKAN PERLU SELARAS

8. Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan maklumat yang mahu disampaikan **selaras dan tidak bercanggah**, terutamanya apabila sesuatu isu yang dibangkitkan membabitkan banyak pihak di dalam Kementerian ataupun agensi Kerajaan. Kegagalan untuk menyelaraskan maklumat ini boleh memberi kesan yang buruk, dan boleh mencetuskan persepsi negatif serta salah tanggapan bahawa ada sesuatu yang mahu disorokkan.

MANFAATKAN ILMU APABILA IA DIPERLUKAN

Hadirin sekalian,

9. Tidak ada penghujung dalam usia kita apabila kita berbicara mengenai mencari ilmu, walaupun sudah berada pada tahap ini di dalam Kerajaan. Oleh demikian, saya meminta supaya semua peserta kursus kali ini dapat **menggarap dan mempraktikkan ilmu yang diperolehi di sini** apabila ia diperlukan kelak. Manalah tahu, secara tiba-tiba wartawan membuat wawancara secara *ambush* selepas kita selesai menghadiri sesuatu majlis atau mesyuarat, dan apa yang dipelajari dalam masa dua hari ini akan dapat membantu dalam situasi sebegitu.
10. Saya juga berharap dengan adanya kursus ini, dapatlah kita melengkapkan diri dengan ilmu yang mungkin sebelum ini tidak pernah dipelajari secara

formal, dan seterusnya membolehkan kita terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat seperti yang selalu ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini: **"People First, Performance Now"**.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Akhir kata, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan kursus ini, terutamanya Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia, yang telah memberikan sokongan padu dan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program ini. Saya juga bercadang untuk mengadakan kursus seumpama ini pada masa akan datang, dengan kumpulan pegawai Kanan yang belum berkesempatan menyertainya.

Dengan itu, selamat berkursus.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.